

Ahli perniagaan wanita disamun depan ibu bapa

Sinar 7/11/2011 ms 12.

Tindakan pantas polis peronda berjaya cekup penjenayah

MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN - Hasrat empat perompak untuk menikmati wang hasil samun mereka yang berjumlah RM85,000 tidak kesampaian selepas digagalkan tindakan pantas unit kereta peronda polis, di sini, semalam.

Kejadian berlaku kira-kira jam 10.30 pagi apabila mangsa bersama bapa dan ibunya baru keluar dari sebuah bank di Bukit Jambul sebelum diekori empat lelaki yang menaiki sebuah kereta hingga menuju ke arah pusat bandar.

Jurucakap polis berkata, ketika mangsa berumur 50-an itu turun dari kereta, salah seorang perompak terus mengacukan parang ke arah wanita itu sebelum menarik beg yang mengandungi wang tunai dan berlaku tarik-menarik antara suspek dan mangsa sehingga mangsa terjatuh dan cedera di pinggang dan lutut.

Beliau berkata, mangsa bagaimanapun sempat menulis nombor pendaftaran kereta yang dinaiki keempat-empat suspek sebelum tampil membuat laporan polis di Balai Polis Jalan Patani.

Berikutan itu, polis melakukan pemeriksaan dan pemantauan sebelum pasukan unit kereta peronda polis kemudian berjaya mengesan sebuah kereta yang dinaiki keempat-empat suspek di Jalan Masjid Negeri, lalu mengejar kereta itu.

"Suspek cuba melarikan diri dengan meninggalkan kereta namun seorang daripada mereka berjaya dice-



● Pasukan forensik melakukan pemeriksaan ke atas kereta yang dinaiki suspek.

kup manakala tiga yang lain melarikan diri," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan yang dilakukan polis terhadap kereta yang dinaiki suspek berjaya menemui semula wang tunai RM50,000 namun baki wang RM35,000 dilarikan,

Polis turut menemui dua parang dalam kereta di tempat duduk belakang selain dokumen identiti keempat-empat suspek.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati suspek berasal dari Cheras, Selangor dan kereta Proton Perdana yang digunakan masih lagi disiasat untuk menentukan sama ada kenderaan itu milik salah seorang suspek atau dicuri.

Usaha mengesan ketiga-tiga suspek yang masih bebas sedang dilakukan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Gan Kong Meng ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan berkata, siasatan lanjut sedang dijalankan.

Suspek yang berjaya ditahan itu dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut (IPDTL) untuk membantu siasatan lanjut.

Kong Meng berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan dan sekiranya sabit kesalahan, suspek berkenaan boleh dipenjara sehingga 20 tahun atau denda atau sebatan.